

17/02/1997

Jalin perpaduan, kemajuan untuk negara: Mohd Zin

MELAKA, Ahad - Walaupun pencapaian Malaysia dalam semua bidang boleh dibanggakan dan diperakui dunia, namun masih banyak yang perlu dilaksanakan untuk memajukan negara ini.

Untuk itu, semua pihak tidak boleh berpuas hati dan sekadar berpeluk tubuh malah perlu terus menggembleng tenaga membantu kerajaan meneruskan kesinambungan berkenaan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani, berkata kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memang mempunyai banyak idea dan rancangan serta tahu bagaimana melaksanakannya demi kesejahteraan rakyat.

Justeru, katanya, perbezaan pendapat yang remeh temeh dan mungkin boleh melemah atau mengecewakan rakyat perlu segera dikikis kerana ia sedikit sebanyak boleh membantutkan matlamat menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020.

"Bagaimanapun, sikap negatif itu tidak berlaku baik di Melaka mahu pun di peringkat nasional, namun saya mengingatkan semua pihak betapa pentingnya perpaduan di kalangan pelbagai kaum.

"Oleh itu, marilah kita merapatkan barisan dan perpaduan untuk meneruskan usaha menjadikan Malaysia negara maju yang aman, makmur dan sejahtera," katanya merasmikan perarakan Pesta Dekorasi Gong Xi Raya di sini, malam tadi.

Sambutan bertemakan 'Kongsi Raya' itu membabitkan wakil pertubuhan kebudayaan masyarakat pelbagai kaum di negeri ini dan bermula jam 8 malam di kawasan letak kereta Bangunan Tabung Haji, Jalan Banda Kaba.

Perarakan itu melalui beberapa laluan, termasuk Jalan Bunga Raya, Jalan Munshi, Jalan Hang Tuah dan berakhir di Kompleks Ocean di Jalan Kilang.

(END)